

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HGF 322 Geomorfologi

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan. SOALAN NO. 1 WAJIB dijawab dan TIGA[3] soalan lain.

1. Diberikan dalam jadual 1 ialah hasil analisis saiz bagi kawasan pantai di Pulau Pinang.

(a) Komen tentang taburan saiz endapan dan min profil bagi ketiga-tiga kawasan tersebut. (10 markah)

(b) Pada pendapat anda adakah keadaan ini akan berkekalan atau hanya bersifat sementara? Jelaskan? (15 markah)

JADUAL 1

Analisis Saiz Endapan dan Profil  
Pantai-Pantai Pulau Pinang

---

Saiz (phi)	lokasi A	lokasi B	lokasi C
Min	3.0	0.43	-3.2
Median	3.2	0.40	-3.9
Sisihan Piawai	0.35	0.87	0.25
Pencongan	0.15	0.09	-0.35
Kurtosis	2.43	0.72	1.01
Min kecerunan profil	1:58	1:13.6	1:10

.../2

2. Dalam konsep pengukiran pandang darat, Penck mengemukakan konsep pengangkatan, perkembangan meningkat dan perkembangan menyusut. Huraikan dengan terperinci proses tersebut dengan memberikan gambarajah yang sesuai.

(25 markah)

3. Huraikan secara ringkas tiga dari yang berikut:

- (a) morfologi pantai dan saiz sedimen
- (b) ambang hakisan fluvial
- (c) tindakbalas komplek dan ambang geomorfik
- (d) pedimentasi dan pendataran pedi

(25 markah)

4. (a) Halaju aliran air yang masuk ke dalam caruk dan melimpahi dataran lumpur adalah tidak sefasa dengan kitaran aliran pasang surut. Huraikan.

(12.5 markah)

- (b) Jelaskan kesan daripada perbezaan fasa yang dimaksudkan di atas ke atas morfologi dataran lumpur yang terbentuk.

(12.5 markah)

5. Bincangkan

SAMA ADA

- (a) Kaedah 'lembut dan keras' untuk mengawal hakisan pantai

(25 markah)

ATAU

- (b) Perilaku profil pantai Thom dan Hall (1991)

(25 markah)

6. Dengan menggunakan rajah-rajah yang sesuai, bincangkan bagaimana morfologi sungai mengalami perubahan.

(25 markah)

-ooo000ooo-